

DAMAI DAN PERTENTANGAN DALAM KALANGAN MANUSIA

-----*-----*-----

Kita berhari raya sesudah puasa. Sudah melatih diri sebulan dengan puasa untuk menguasai jasmani kita, menundukkan kepada kehendak kita sebagai ibadat kepada Allah Taala, dan melatih tabiat perangai kita mengawal dan membatasi hawa nafsu supaya takluk kepada akhlak yang utama. Sesudah satu bulan lamanya berusaha menjalani “disiplin” ibadat lebih daripada masa yang lain dalam setahun, mengaji Quran, sembahyang, doa, zikir, dan sebagainya dengan harapan menghadapi dunia dan masyarakat manusia yang telah suci, lebih utama, lebih lengkap dengan persiapan zahir dan batin untuk kebahagiaan, untuk kerjasama bertolong-tolongan, untuk usaha bersama bergotong royong, kita gunakan hari raya, yang dikurniakan Allah kepada kita untuk “lebaran” ramai-ramai keluar bersuka ria, kunjung mengunjungi. Kita berjabat tangan bermaaf-maafan tanda menghiasi barang apa yang ada menjadi sebab pertentangan, persengketaan, berkedengian, bersakit-sakitan hati di masa yang lalu.

Oleh : Haji Agus Salim

(dipetik daripada Majalah Aliran Islam)

Segala itu telah lalu dengan bulan puasa yang telah silam itu. Kita menghadapi masa baharu dengan sikap baharu, sikap persaudaraan, persahabatan, yang doa mendoakan mudah-mudahan dikurniakan Allah berulang-ulang dari tahun ke tahun kita merayakan hari raya kita ini, tiap kali dengan mencapai bahagia kejayaan pembersihan pembaharuan diri yang kita harapkan daripada ibadat puasa kita, puasa badan, hati dan budi selama bulan ramadan itu : “ minal aidin al-faizin”.

Itulah gambar kenang-kenangan kita tentang puasa, yang suka kita mendengung-dengungkan dia di dalam khutbah, dalam pertemuan ibadat atau pidato dalam pertemuan adat.

Alangkah muafakatnya kita dengan peraturan dengan sistem syariat dengan manhaj yang diberikan oleh Allah Subhanahu wa Taala itu. Kita memuji-muji agama yang dikurniakan oleh Allah kepada kita itu. Seolah-olah kita ahli ilmu atau ahli seni yang tahu pandai dan berhak menimbang – membanding sesuatu barang buatan atau karangan, kita beza-bezakan maka yang lebih baik; mana yang masuk akal, yang akan kita pakai menurut akal kita

sendiri, dan mana yang kita pandang tak ada percayanya atau tak masuk akal, lalu kita cuaikan atau kita beri erti menurut yang terlebih sesuai dengan hajat atau dengan keinginan kita. Kita takwilkan!

Dan terbawa-bawa oleh sedapnya ucapan-ucapannya kita yang lancar itu, kita lupakan bahawa agama Allah adalah hukum yang berlaku, tak dapat kita menyimpang daripadanya, jika mahu atau tak mahu; sebagaimana yang tersebut dalam ayat 83 surah Ali-Imran, yang saya maknakan :

Mengapa kamu menghendaki din (hukum yang diwajibkan berlakunya) lain daripada yang ditetapkan oleh Allah, pada hal siapa-siapa yang ada di segala langit dan yang ada di bumi menyuruh kepada hukumnya itu dengan tertunduk menurut atau dengan terpaksa bertentangan dengan pengetahuannya.

Kenyataan ayat itu berulang-ulang menjadi pengalaman kepada bangsa manusia baik di masa sebelum al-Quran diturunkan ke dunia, mau pun masa yang lalu dan hingga masa sekarang ini – pun begitu juga. Baik dengan tunduk menurut, mengakui kebenarannya, atau dengan terpaksa bertentangan pengetahuan dengan kepercayaan atau keyakinan kita, kita tetap mesti menjalani sebagaimana yang menjadi ketentuan hukum Allah yang diwajibkan berlakunya seperti yang diajarkan di dalam agama.

Maka untuk keselamatan dunia dan manusia dan bahagiannya, untuk keselamatan dan bahagian diri kira sendiri, terlebih baik kita bukakan mata kepala dan mata hari kita dan telinga kita pada kenyataan-kenyataan yang berlaku di sekeliling kita di muka bumi, terutama sekali di dalam negeri dan bangsa kita sendiri, atas diri dan anak isteri kita, atas anak – keluarga dan tetangga sekurung – sekampung kita. Dari beribu-ribu mimbar di dalam masjid, di medan majlis kerapatan mungkin pada hari raya tiap-tiap tahun yang lalu, kita akan dapat mendengar khutbah dan pidato memuji (dengan makna menyatakan pujian sebagai orang yang tahu pandai dan berhak untuk dipuji atau mencela menurut pendapatannya) agama Islam sebagai agama persaudaraan dan agama perdamaian untuk segala manusia di seluruh dunia. Kita akan mendengar agama Islam dipuji kerana ia dengan tegas-tegas menetapkan kemerdekaan berlain-lain tujuan, seperti tersebut dalam ayat 148 di dalam surah Al-Baqarah yang saya maknakan :

“Dan masing-masing ada tujuan yang diusahakannya, maka berlumba-lumbalah berbuat kebajikan. Dimana pun kamu berada (ertinya jika kelihatannya kamu bercerai berai, berpisah-pisahan) Allah nescaya menghimpunkan antara kamu. Bahawa sesungguhnya Allah kuasa atas segala apa-apa”.

Sengaja saya gunakan kata “menetapkan” tadi itu, bukan kata “mengerjakan” oleh kerana perbezaan tujuan yang diusahakan memang menjadi tabiat kepada manusia dan “pembahagian pekerjaan” memang menjadi hajat yang perlu dan tak boleh tidak untuk menghadapi pergaulan manusia. Kemudian yang menjadi ajaran atau perintah ialah berlumba-lumba “berbuat kebajikan” dan sebagaimana dapat kita saksikan dari dahulu sampai sekarang dalam perjalanan riwayat, segala hasil usaha berbuat kebajikan di dalam seluruh dunia menghasilkan kemajuan dunia yang dengan tak dapat tidak berbahagian di dalamnya segala bangsa di muka bumi.

Tidak pula kadang-kadang khatib atau juru pidato akan

menerang-nerangkan, bagaimana agama Islam menjamin kemerdekaan agama, berdasar atas pengakuan bahawa agama, dunia yang lain-lain semuanya diturunkan oleh Allah Subhanahu wa Taala berturut-turut di dalam masa riwayat manusia di muka bumi kita yang sudah beribu-ribu tahun, demikian dinyatakan di dalam ayat 51 surah Al-Maidah di mana dinyatakan, bahawa kitab Al-Quran diturunkan membenarkan kitab-kitab suci yang telah ada dan menegaskan kenyataan-kenyataan yang terkandung di dalamnya, lalu tersebut di dalam lanjutan ayat itu, yang saya maknakan :

“Dan bagi masing-masing daripada kamu telah Ku jadikan jalan (sistem syariat) dan cara menurutnya (metod, manhaj), jikalau sekiranya Allah mengkehendaki, nescaya dijadikannya kamu sekalian umat persatuan, akan tetapi (tidak diperbuatnya demikian) supaya ia mencubai kamu masing-masing, berkenaan dengan agama yang dibahagikannya kepada kamu masing-masing maka berlumba-lumbalah kamu berbuat kebajikan. Kepada Allah jua tempat pulang kamu sekalian dan ialah yang akan memberi tahu kepada kamu tentang segala apa-apa yang kamu bertikai-tikaian atasnya”.

Ayat ini menjadi dasar yang kuat untuk asas kemerdekaan agama, yang menyatakan bahawa, hidupnya berbagai-bagai agama di muka bumi kita ini sekali-kali tidaklah menjadi alasan bagi mencela salah satu umat atau golongan dengan terang sekali dinyatakan, bahawa keadaan berbagai agama bersama-sama memang satu ketentuan daripada Allah yang Maha Bijaksana yang rencana-Nya mustahil akan gagal.

Di samping ayat-ayat yang menyuruhkan manusia menggunakan sifat dan nafsu persaingannya, jangan untuk pertentangan rugi merugikan atau halang menghalangi. Melainkan untuk perlumbaan untuk berbuat sebanyak-banyak kebajikan, tak kurang-kurang pula anjuran bertolong-tolongan dan bergotong royong, seperti dalam ayat 3, surah Al-Maidah yang saya maknakan :

“Bertolong-tolonganlah kalau dalam keutamaan berbaik budi dan menyingkiri menangkis kenistaan dan janganlah kamu

bertolong-tolongan dalam berbuat jahat dan penindasan atau pelanggaran hak orang”.

Di dalam ayat ini nyatalah ada bertemu pokok-pokok pertikain, jika kita tidak hendak menolong bekerjasama dengan orang oleh kerana perbuatan pada pendapatan kita jahat atau melanggar merosak hak orang berlawanan dengan yang adil dan yang patut, kita tahu bahawa disitu mungkin timbul pertentangan yang terpaksa kita mengharapinya.

Memang dalam hal itu pun masih terus agama Islam mengandungi pertentangan untuk memelihara damai seperti ayat 125 surah An-Nahl, yang menyuruh dan memanggil kita dan mengajak orang menurut jalan yang diperhati oleh Tuhan kita, supaya kita berlaku dengan kebijaksanaan dengan teguran memberi ingat dengan kata-kata yang baik-baik dan supaya kita menentang bantuan orang dengan perkataan atau perbuatan yang lebih baik.

Membalas jahat dengan baik itu, mahu juga membelokkan hati orang yang semulanya menjadi lawan sehingga akhirnya menjadi teman yang sangat sihat, seperti tersebut di dalam ayat 33, surah Fussilat. Tetapi disitu ditegaskan lebih dahulu, bahawa sekali-kali tidaklah sama baik dan jahat.

Demikianlah kita lihat bahawa damai dan persaudaraan sangat dihargakan tinggi di dalam anjuran agama Islam sebagai juga dalam agama lain-lain yang diturunkan oleh Allah kepada manusia. Tetapi daripada ajaran agama juga tiap-tiap agama daripada agama yang berturut-turut datangnya, dan sekarang ada berlaku di muka bumi kita ini – dapatlah kita ketahui bahawa persaudaraan dan damai itu bukan seperti benda beku yang tak bernyawa. Sekali diperoleh dapat ditaruh – disimpan sebagai harta – milik yang tak berubah asal jangan diusik. Melainkan damai dan persaudaraan itu adalah bersifat keadaan melainkan damai dan persaudaraan itu adalah bersifat keadaan yang dihasilkan dan dipertuhankan dengan susah payah.

Tidak kurang-kurang pula ayat Al-Quran yang menjelaskan besarnya kewajipan sekalian manusia, yang beragama untuk mencapai

damai dan persaudaraan manusia itu dan melindungi mempertahankan dan memeliharakannya.

Sekalian orang yang beragama iaitu yang yakin bahawa ada Tuhan Esa dan Maha Kuasa, yang kehendaknya mengatur mengemudikan perjalanan riwayat ilmu, riwayat dunia dan manusia, dan yang merajai akhirat, yang akan menyudahi dunia ini daripada keadaannya dan yang yakin dengan demikian bahawa tingkah laku dan perbuatan manusia di dunia tidak habis urusannya di pintu kuburnya. Melainkan akan mengalami sambungannya di dalam akhirat itu. Berapa ganjaran atau ampunan atau balasan.

Kepada sekalian orang yang beragama itu firman Allah menyerukan dari dalam Al-Quran (ayat 120, surah At-Taubah).

“Hai sekalian kamu yang beriman, pelihara dirimu dengan takwa kepada Allah dan berdirilah dengan orang yang benar, sungguh hati dan ikhlas.

Kepada sekalian mereka yang disuruh perhatikan perjalanan riwayat yang lalu yang menjadi alasan firmannya Tuhan ayat 251 Surah al-Baqarah yang bahagian penghabisannya saya maknakan :

“...jika tiada Allah menolak (atau menahan) sebahagian manusia dengan sebahagian yang lain, nescara rosaklah dunia di muka bumi ini, akan tetapi Allah Subhanahu wa Taala menaruh kurnia atas sekalian alam.”

Ayat ini memperingati perang Nabi Daud yang masyhur ceritanya di dalam kata suci wasiat lama. Dan sekali lagi peringatan itu kita temukan di dalam ayat 40 surah Al-Hajj berkenaan dengan peperangan yang terpaksa Rasulullah (SAW) menghadapinya daripada bangsanya sendiri, disitu sekali lagi kita menemui perkataan seperti tadi, yang saya maknakan :

“Jikalau sekiranya tiada Allah menolak (menahankan) sebahagian manusia dengan sebahagian yang lain nescaya dibongkar gereja, sinagoga, dan tempat orang sembahyang dan masjid-masjid tempat orang membanyakkan zikir mengulang-ulangi nama Allah. Dan nescayalah Allah

menolong akan mereka yang berusaha untuk berbakti kepada-Nya bahawa sesungguhnya Allah teramat kuat tenaga-Nya dan teramat Mulia.”

Dengan pengetahuan ini mengetahuilah kita, bahawa dengan tidak sedikit pun mengurangkan cita-cita Islam, akan tetapi nyatalah bahawa damai mesti didapatkan dengan menentang pengaju-pengaju yang mengganggu atau membahayainya.

Dengan pengetahuan itu kita sebagai kaum Islam tidak akan bingung atau ngeri melihat kegentingan yang seolah-olah sukat-sukat mengancam akan pecahnya perang dunia. Demikian juga tidak kita akan bingung dan cemas melihat keadaan di tanah air dan dalam bangsa kita sendiri.

Kita telah menyaksikan bagaimana bulan puasa di negeri kita tidak dimuliakan orang dengan memelihara damai, keamanan dan tertib, dengan mengurang-gurangkan kekasaran tuntutan hawa nafsu dengan membanyakkan ibadat.

Kita malah melihat, bahawa bulan puasa kita, dengan tidak mengendahkan, dijadikan orang bulan pergaduhan, bulan kekacauan, yang mengoncangkan ekonomi masyarakat kita sampai ke desa-desanya.

Maka kita harus bersyukur kepada Allah, bahawa dengan kejadian-kejadian itu, ia telah memperlihatkan kepada siapa-siapa yang mahu sedar, yang mahu mengerti di antara kita, apa-apa yang salah dan apa-apa yang kurang dalam masyarakat kita sebagai juga Rasulullah (SAW) dengan pengikut-pengikutnya di bulan Ramadhan, mereka yang pertama di Madinah, dalam tahun pertama sesudah hijrah kita dapat melihat dan dapat mengenali sifat-sifat kaum munafiqin, sampai mereka mendapat kekuasaan dan sifat kakitangan bangsa asing, yang ingin hendak menjadikan tanahair kita ini tempat penyebaran faham dan menjalankan anjuran, yang diperbuat dan dikemudikan oleh mereka diseberang itu.

Kita tak perlu bimbang, tak perlu ngeri, dengan keyakinan bahawa kekuatan dan kemuliaan tetap pada Allah Subhanahu wa Taala jua adanya.

Dan berkenaan dengan diri kita pun, tak perlu kita

gundah dan cemas mungkin daripada kita, yang tidak akan turut menyaksikan kemenangan kebenaran Allah itu di waktu nanti. Tetapi bahagian kita tetap satu daripada dua kebaikan : hidup akan turut menyaksikan kemenangan tewas di jalan menghadapi ganjaran daripada Allah.

Oleh kerana itu dengan hati besar dan girang pada hari raya lebaran ini saya menyampaikan seruan :

Minal Aidil Walfaai'zin.

Mudah-mudahan dikurniakan Allah kepada kita berulang-ulang merayakan hari raya kita ini dalam keadaan jaya bahagia bertambah-tambah.

Dan setelah itu marilah kita masing-masing membetulkan perhatian dan tenaga kepada kewajipan yang menjadi bahagian kita pada tiap-tiap waktunya dengan ucapannya : *Bismillah! Allah Akhbar!*

“MAJALAH KRITIK”

Kita telah menerima majalah “kritik” bilangan yang pertama daripada penerbitnya “Persatuan Islam” bahagian pustaka Bangil, Indonesia. Hebat isinya dan berterus terang mengupas keburukan masyarakat.

(2) “Apa dia Islam” sebuah risalah karangan tuan Hassan bin Ahmad. Kandungannya bak namanya menerangkan apa dia Islam yang sebenarnya. Demikian juga sebuah risalah lagi yang menjadi terjemahannya dalam bahasa Inggeris dengan nama “What Is Islam”. Kedua-duanya diterbitkan oleh “Al-Ma’ruf” Jakarta – Bandung.

(3) “Suluh Pengetahuan” sejarah Khulafa Ar Rasidin dan pahlawan-pahlawan Islam yang terbilang. Kandungannya padat dan bernas, dengan ditashihkan oleh Fadhilat Al Ustaz Ismail Umar Abdul Aziz. Penyusun dan penerbitnya Al Ustaz Badri Bin Haji Zakaria – Kluang, Johor.

Atas hadiah-hadiah tersebut diucapkan sebanyak-banyak terima kasih!
